

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 6 TAHUN 2021**

Tarikh : 30 Jun 2021 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.15 pagi

Tempat : Secara Dalam Talian
(Aplikasi Zoom Meeting)

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN JUN 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Jun 2021.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang keenam bagi tahun 2021 yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Semua ahli mesyuarat diminta untuk mengaktifkan video dan memaparkan wajah sebenar sepanjang mesyuarat berlangsung bagi memastikan keberadaan semasa mesyuarat. Ahli mesyuarat juga perlu memastikan mikrofon dimatikan agar tidak mengganggu sesi mesyuarat. Sekiranya ahli mesyuarat ingin menyuarakan pendapat, maka mikrofon boleh dihidupkan untuk tujuan tersebut.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan bahawa sehingga 27 Jun 2021 terdapat sebanyak 734,048 kes positif Covid 19 telah dilaporkan di seluruh Malaysia dengan sebanyak 4944 kes kematian. Manakala di Negeri Selangor mencatatkan sebanyak 241,627 kes positif Covid 19 dengan 71,998 kes di daerah Petaling dan sebanyak 26,101 kes adalah di dalam kawasan pentadbiran MBSJ.

Sebanyak 96 kes positif Covid 19 dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ sejak pandemik ini bermula. Bagi situasi semasa, hanya satu kes di kalangan kakitangan MBSJ yang masih aktif dan sedang dikuarantin di MAEPS Serdang.

Demi ke arah merealisasikan hasrat untuk mendapatkan imuniti kelompok di kalangan rakyat Malaysia, seramai 1177 kakitangan MBSJ telah menerima suntikan vaksin covid 19 dengan 400 kakitangan menerima dos pertama dan sebanyak 777 kakitangan MBSJ telah lengkap menerima dos kedua vaksin setakat hari ini. Ini menunjukkan sebanyak 78.21% kakitangan telah divaksin dan hanya 328 orang kakitangan meliputi 21.79% masih dalam proses mendapatkan vaksinasi.

Pihak Majlis sentiasa mengingatkan semua kakitangan MBSJ dan masyarakat di kawasan pentadbiran MBSJ untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan / guna *hand sanitizer*), Wear (dikalakkan memakai pelitup

mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga Minggu Epid 25 iaitu sehingga 26 Jun 2021, terdapat sebanyak 1078 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Alhamdulillah tiada lokaliti hotspot denggi dilaporkan selama 12 minggu berturut-turut di kawasan MBSJ.

Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan Pandemik Covid-19, pihak Majlis lebih banyak menekankan kaedah penyampaian secara hebahan dan pemakluman kepada Ahli-ahli Majlis, Majlis Perwakilan Penduduk serta penduduk setempat berkaitan situasi semasa kes demam denggi di kawasan masing-masing.

Walau bagaimanapun, masyarakat diminta terus meluangkan masa 10 minit seminggu sekali dengan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- v) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir secara dalam talian dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2021 bertarikh 25 Mei 2021 (Selasa) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2021 bertarikh 25 Mei 2021 (Selasa) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2021 bertarikh 27 Mei 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Kertasa Dasar Sumbangan Pendidikan dan Bayaran	Beliau memaklumkan bahawa kertas dasar berkaitan sumbangan pendidikan dan bayaran

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Caruman Wang Amanah Kubur	<p>caruman wang amanah kubur telah dibentangkan dalam mesyuarat Pre Council pada 29 Jun 2021. Ahli mesyuarat telah memberikan beberapa penambahbaikan terhadap kertas dasar tersebut. Beliau ingin tahu status cadangan tersebut.</p> <p>Beliau juga ingin tahu berkenaan bilangan Ahli Majlis dalam penetapan agihan caruman.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Perancangan Bandar membuat perincian terhadap cadangan pindaan dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>membentangkan semula kertas dasar tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan datang seterusnya dibawa ke Mesyuarat Penuh Majlis.</p> <p>Segala penggunaan wang caruman akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan kerana liputan Ahli Majlis dalam Jawatankuasa Kewangan MBSJ adalah menyeluruh.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

7.1 Kertas Cadangan Penetapan Dasar bagi perjanjian Pelupusan Sisa Buangan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) Dengan Worldwide Holdings Berhad (WHB) Bagi Projek Intergrated Solid Waste Management Centre (ISWMC) Di Jeram, Selangor (Kertas Mesyuarat bil.6/6/2021)

Kertas kerja ini telah disediakan oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan dibentangkan oleh Pengarah Pengurusan Alam Sekitar.

Perbincangan Mesyuarat :

Ahli mesyuarat mengambil maklum tentang syarat yang diletakkan oleh pihak Worldwide Holdings Berhad dan perkara yang dimohon oleh pihak Majlis dalam perjanjian tersebut.

Penetapan Dasar Oleh Majlis

1. Jumlah Tan Sehari, Harga Kontrak dan Bon Pelaksanaan

Pihak Majlis bersetuju bahawa jumlah tan sampah yang dipersetujui untuk dihantar ke Jeram adalah sebanyak Empat Ratus (400) tan/sehari. Oleh yang demikian, Harga Kontrak adalah mengikut jumlah tan tersebut iaitu sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Juta Tiga Puluh Ribu Sahaja (RM8,030,000.00) dan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak

Ringgit Malaysia Empat Ratus Satu Ribu Lima Ratus Sahaja (RM401,500.00).

Walau bagaimanapun, peningkatan jumlah sampah harian yang dihantar adalah secara berperingkat dan pihak WHB dan pihak Majlis bersetuju bahawa Klausa 5.1.2 yang dibaca bersama Klausa 9.1.2 tidak akan dijadikan sebagai satu kemungkiran kontrak sama ada ianya kemungkiran material atau tidak material. Harga Kontrak RM8,030,000.00 setahun (tertakluk kepada jumlah sebenar tan sampah yang dihantar).

2. Faedah Pembayaran Lewat

Bagi Klausa 3.4, Majlis bersetuju dengan pindaan kepada tempoh 'empat puluh lima (45) hari' dipinda kepada 'enam puluh (60) hari'.

3. Semakan Semula Kadar Harga

Majlis bersetuju untuk semakan semula kadar harga tetapi tidak pada setiap tiga (3) tahun dan tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak.

4. Kelulusan Dan / Atau Kebenaran Kerajaan Negeri

Majlis bersetuju supaya mana-mana peruntukan yang merujuk kepada kebenaran Kerajaan Negeri dipinda memandangkan Kerajaan Negeri bukan merupakan pihak di bawah Perjanjian.

5. Eksklusiviti Kontrak

Pihak Majlis bersetuju bahawa klausa yang memberi eksklusiviti kepada WHB distrukturkan semula dan dipinda

untuk memberi pilihan kepada Majlis bagi mencari alternatif pelupusan sisa bagi mengurangkan kos pelupusan sampah. Seterusnya, penghantaran pelupusan sisa yang terlibat dalam perjanjian ini hanyalah di Kemudahan WTE.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat memutuskan kertas cadangan ini ditangguhkan dan meminta satu taklimat daripada Worldwide Holdings Berhad diadakan sebelum keputusan selanjutnya dibuat.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Tarikh Disediakan : 2 Julai 2021

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR – SECARA DALAM TALIAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 5. | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 9. | Encik Thomas Yew Sin | - | " |
| 10. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 11. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 12. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 13. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 14. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 15. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 16. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - | " |
| 17. | Encik Teh Eng Teck | - | " |
| 18. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 19. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | " |
| 20. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 21. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan | - | " |
| 22. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | " |
| 23. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 24. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |
| 25. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | " |

HADIR (PEGAWAI MPSJ)

- | | |
|-----|---|
| 26. | Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan |
| 27. | Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan |
| 28. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat |
| 29. | Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 30. | Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S. |

Pengarah, Jabatan Kesihatan

31. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
32. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
33. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
34. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
35. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
36. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
39. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
40. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
41. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
42. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
43. Puan Azlina Binti Mat Salim

Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap

44. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
45. TPr.Hazman bin Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
46. Sr.Mohd Faudzi bin Nazaruddin,^{MRISM}
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
47. Nurul Ainaa Nabilah binti Ruslan
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-undang

TIDAK HADIR

1. TPr.Haji Ismail bin Muhammad,^{A.I.S}
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

URUSETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan